

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' OTHMAN BIN AZIZ
[JERLUN]**

TARIKH : 1 APRIL 2014

SOALAN :

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah pencemaran udara akibat daripada pembakaran tandan buah kosong kelapa sawit (TBK) yang dilakukan secara terbuka dan berpanjangan bagi langkah pelupusan atau menghasilkan abu tandan bagi tujuan sumber baja.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pembakaran tandan buah kosong kelapa sawit/ *empty fruit bunch* (EFB) yang dilakukan secara terbuka adalah merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Pihak yang didapati bersalah melakukan pembakaran tersebut boleh dikenakan denda maksimum RM500,000.00 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Sekian, terima kasih.